

Soalan-Soalan Lazim (FAQs)

1. Apakah Takaful MediCash?

Takaful MediCash direka untuk memberikan pendapatan harian apabila Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke hospital sebagai pesakit akibat penyakit atau kecederaan. Selain itu, pelan ini turut menyediakan pendapatan bulanan apabila Orang Yang Dilindungi mengalami Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK) akibat Kemalangan. Tambahan lagi, ia menyediakan Elaun Ihsan untuk orang tersayang apabila anda tidak lagi berada di sisi mereka.

2. Bagaimanakah untuk mengetahui jika Takaful MediCash sesuai untuk saya?

Pelan ini sesuai untuk anda jika anda ingin mendapatkan sokongan kewangan semasa anda dimasukkan ke hospital dengan caruman yang berpatutan. Anda harus memastikan bahawa pelan ini merupakan pelan yang terbaik bagi memenuhi keperluan anda dan jumlah caruman dalam pelan ini adalah jumlah yang mampu anda buat.

3. Bagaimanakah untuk mengetahui keperluan jumlah perlindungan saya?

Jumlah perlindungan adalah bergantung kepada bajet dan keperluan kewangan anda. Paling utama, pelan ini memberi sokongan kewangan dan mengurangkan beban kewangan anda. Anda harus memastikan bahawa jumlah caruman dalam pelan ini adalah jumlah yang mampu anda buat sepanjang tempoh perlindungan. Sila [klik sini](#) untuk mendapatkan jumlah perlindungan yang sesuai untuk anda.

4. Siapakah yang layak menyertai Takaful MediCash?

Pelan ini terbuka kepada warganegara Malaysia berumur antara 18 hingga 50 tahun (tarikh lahir sebelum).

5. Apakah tempoh perlindungan untuk Takaful MediCash?

Tempoh perlindungan penuh bagi pelan ini ialah selama 20 tahun.

6. Apakah pakej yang disediakan dan manfaat yang diberikan?

Terdapat 2 pelan yang disediakan dan manfaatnya dinyatakan seperti berikut:

Manfaat	Pelan 100	Pelan 200
Pendapatan Harian¹		
Manfaat Pendapatan Harian untuk Penghospitalan	RM 100 sehari	RM 200 sehari
Manfaat Pendapatan Harian untuk Penghospitalan di Unit Rawatan Rapi (ICU) atau <i>High Dependency Unit</i> (HDU) atau di hospital Luar Negara	RM 200 sehari	RM 400 sehari

Pendapatan Bulanan		
Manfaat Pendapatan Bulanan untuk Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK) akibat Kemalangan ² (Sehingga 120 bulan bagi setiap sijil)	RM 1,000 sebulan	RM 2,000 sebulan
Elaun Ihsan³		
Elaun Ihsan	RM10,000	RM20,000
Diskaun Tiada Tuntutan⁴		
Diskaun Tiada Tuntutan	20% caruman tahun sijil semasa	

Nota:

¹ Manfaat yang dibayar adalah tertakluk kepada:

- i. Had gabungan 4 kali kemasukan Hospital setiap tahun sijil dan 730 hari bagi penginapan di hospital sepanjang tempoh perlindungan.
- ii. Manfaat Pendapatan Harian untuk Penghospitalan akan dibayar bagi setiap hari penginapan di hospital sehingga 60 hari bagi setiap tahun sijil.
- iii. Manfaat Pendapatan Harian untuk Penghospitalan di Unit Rawatan Rapi (ICU) atau *High Dependency Unit* (HDU) atau di hospital luar negara akan dibayar bagi setiap hari Penginapan di Hospital sehingga 60 hari bagi setiap tahun sijil.
- iv. Manfaat Pendapatan Harian untuk Penghospitalan tidak akan dibayar untuk tempoh berada di hospital yang sama di mana Manfaat Pendapatan Harian untuk Penghospitalan di Unit Rawatan Rapi (ICU) atau *High Dependency Unit* (HDU) atau di hospital Luar Negara dibayar dan sebaliknya.

² Manfaat ini akan dibayar sehingga 120 bulan sekiranya berlaku Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK) ke atas Orang Yang Dilindungi dalam masa 365 hari selepas tarikh Kemalangan. Semua manfaat dan caruman di bawah pelan ini akan ditamatkan sebaik sahaja selepas dengan segera selepas permulaan tarikh HUKK akibat Kemalangan.

³ Elaun Ihsan akan dibayar secara sekali gus apabila Orang Yang Dilindungi meninggal dunia.

⁴ Sekiranya tiada tuntutan diluluskan dalam tahun sijil yang lepas, Diskaun Tiada Tuntutan bersamaan 20% caruman bagi caruman tahun sijil semasa akan diberikan.

7. Berapakah caruman yang perlu saya buat?

Caruman yang perlu dibuat adalah mengikut umur tercapai, jantina dan pilihan pelan. Caruman bagi pelan ini adalah tidak dijamin dan kami berhak menyemak semula kadar caruman dengan memaklumkan peserta sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari terlebih dahulu.

8. Bolehkah saya menyertai Takaful MediCash jika saya seorang warga asing yang bermastautin di Malaysia?

Tidak, pelan ini hanya dibuka kepada warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia.

9. Apakah pengecualian untuk Takaful MediCash?

Manfaat Pendapatan Harian untuk Penghospitalan

Sijil ini tidak membayar apa-apa Manfaat Pendapatan Harian untuk Penghospitalan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu (1) kejadian yang berikut:

- a) Penyakit Sedia Ada; atau
- b) Penyakit Tertentu yang berlaku dalam tempoh seratus duluh puluh (120) hari pertama bagi perlindungan berterusan; atau
- c) Apa-apa keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama daripada Tarikh Permulaan atau tarikh Penguatkuasaan Semula bagi Orang Yang Dilindungi, yang mana terkemudian kecuali bagi kecederaan akibat kemalangan; atau
- d) Pembedahan plastik / kosmetik, khatan, pemeriksaan mata, cermin mata dan pembetulan rabun dekat melalui pembiasan atau pembedahan (Keratotomi Radial atau Lasik), rabun jauh, astigmatisme dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik seperti anggota tiruan, alat bantuan pendengaran, perentak yang diimplankan dan preskripsinya; atau
- e) Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali apabila diperlukan akibat kecederaan yang disebabkan oleh kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam tempoh sijil dan rawatan atau pembedahan tersebut dilaksanakan oleh doctor gigi. Selain itu, perbelanjaan untuk penempalan gigi palsu atau perkhidmatan prostetik seperti *bridges*, *implan* and *crowns* atau sebarang penggantian tidak akan dibayar; atau
- f) Penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV (Virus Kurang Daya Tahan Manusia), dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantine mengikut undang-undang; atau
- g) Apa-apa rawatan atau pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan; atau
- h) Kehamilan, komplikasi berkaitan kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatal, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif secara mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketidaksuburan, disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan; atau
- i) Penghospitalan terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-x, pemeriksaan fizikal atau perubatan am yang tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis hilang upaya yang dilindungi atau rawatan yang tidak perlu dari segi perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dilaksanakan oleh

- Pakar Perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan; atau
- j) Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika waras atau tidak waras; atau
 - k) Perang atau apa-apa tindakan perang, yang diisyiharkan atau tidak diisyiharkan, aktiviti jenayah atau pengganas, bekerja sebagai mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau pemberontakan; atau
 - l) Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear; atau
 - m) Perbelanjaan yang ditanggung untuk akibat pendermaan mana-mana organ tubuh oleh Orang Yang Dilindungi dan termasuk kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika transplan organ dan komplikasinya; atau
 - n) Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma atau rawatan pilihan yang lain; atau
 - o) Psikotik, gangguan mental atau saraf (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya); atau
 - p) Penyakit atau kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang haram; atau
 - q) Penerbangan peribadi selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan; atau
 - r) Perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantina.

Manfaat Pendapatan Bulanan untuk Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK) akibat Kemalangan

Sijil ini tidak membayar apa-apa Manfaat Pendapatan Bulanan untuk HUKK akibat Kemalangan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh kejadian yang berikut:

- a) Mencederakan diri sendiri atau mana-mana cubaan ke arahnya semasa waras atau tidak waras, dimabukkan oleh alkohol atau apa-apa jenis dadah / narkotik (melainkan ubat diambil mengikut had yang ditetapkan dan bagi rawatan yang diberi oleh pegawai perubatan berdaftar, tidak termasuk untuk rawatan ketagihan dadah atau alkohol); atau
- b) Perang, sama diisyiharkan atau tidak, revolusi atau mana-mana operasi peperangan, dan sebarang tindakan keganasan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekasaran atau kekerasan dan / atau ancamannya, oleh mana-mana orang atau sekumpulan orang, sama ada bertindak secara bersendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk kepentingan politik, agama, ideologi, atau tujuan etnik atau alasan termasuk niat untuk

- mempengaruhi mana-mana kerajaan dan / atau untuk meletakkan orang awam, atau mana-mana bahagian orang awam, dalam ketakutan; atau
- c) Angkatan tentera atau perkhidmatan polis semasa peperangan yang berlaku sama ada diisyiharkan atau tidak semasa di bawah arahan untuk operasi peperangan atau pemulihan ketenteraman awam (kecuali individu yang menjadi kakitangan pentadbiran); atau
 - d) Membuat penangkapan sebagai pegawai penguatkuasa undang-undang; atau
 - e) Melanggar atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang penangkapan; atau
 - f) Perlumbaan berkuda atau beroda; atau
 - g) Hernia, ptomia atau jangkitan bakteria (kecuali jangkitan pyogenik yang akan berlaku akibat dan dengan luka akibat kemalangan); atau
 - h) Memasuki, mengendalikan atau menyelenggarakan, menaikkan atau menurunkan dari atau dengan mana-mana alat atau pesawat udara kecuali semasa Orang Yang Dilindungi berada dalam pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersial dalam perjalanan berjadual sebagai penumpang melalui laluan penerbangan yang ditetapkan atau sebagai penumpang dalam penerbangan komersial yang tidak dijadualkan atau pengangkutan udara tentera; atau
 - i) Penyertaan dalam sukan profesional (termasuk aktiviti meneroka gua, lubang bawah tanah dan lompatan bungee); atau
 - j) Penggunaan enjin prototaip; atau
 - k) Semua jenis penyakit (termasuk demam denggi dan Encephalitis Jepun), kehamilan, melahirkan anak atau sebarang bentuk keguguran; atau
 - l) Penyakit, kecederaan atau kehilangan lain yang berlaku sebelum Caruman permulaan dibuat atau semasa sijil dalam status luput; atau
 - m) Radiasi pengionan atau pencemaran secara radioaktif dari mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear dari proses pembelahan nuklear atau dari mana-mana bahan senjata nuclear; atau
 - n) Sengaja mengabaikan nasihat perubatan untuk mendapatkan rawatan untuk mencegah penyakit.

Elaun Ihsan

Sijil ini tidak akan membayar Elaun Ihsan sekiranya Orang Yang Dilindungi mati akibat bunuh diri dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Permulaan Sijil atau tarikh Penguatkuasaan Semula, yang mana terkemudian, sama ada Orang Yang Dilindungi waras atau sebaliknya. Sijil ini akan ditamatkan kemudiannya.

Nota: Senarai pengecualian ini tidak menyeluruh. Sila rujuk dokumen sijil untuk senarai penuh pengecualian di bawah pelan ini.

- 10. Apakah mod pembuatan caruman yang ada untuk Takaful MediCash?**
Anda boleh membuat caruman secara bulanan, suku tahunan, setengah tahunan atau tahunan.
- 11. Bagaimakah kaedah pembuatan caruman saya?**
Anda boleh membuat caruman melalui kad kredit atau kad debit sahaja.

- 12. Adakah caruman Takaful MediCash layak untuk pelepasan cukai?**
 Ya, caruman yang dibuat memenuhi syarat pelepasan cukai selain daripada pelan takaful keluarga atau insurans hayat anda yang lain. Jumlah pelepasan cukai bagi setiap individu tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
- 13. Apakah yuran dan caj yang dikenakan di bawah pelan ini?**
 Sebahagian daripada caruman anda akan dikenakan sebagai Yuran Wakalah dan baki caruman tersebut akan dimasukkan ke dalam Akaun Pelaburan Risiko Peserta (APRP) sebagai Tabarru'. Sila rujuk di bawah untuk maklumat lanjut:
- | Tahun Sijil | % daripada Caruman | Setiap Sijil* (RM) |
|------------------|--------------------|--------------------|
| 1 | 30 | 30 |
| 2 – 6 | 20 | |
| 7 dan seterusnya | 15 | |
- *Yuran ini mungkin berbeza bergantung kepada mod caruman anda. Sila rujuk Lembaran Pendedahan Produk dan dokumen sijil untuk maklumat lengkap.
- 14. Apa yang akan berlaku jika saya gagal membuat caruman?**
 Semua caruman mesti dibuat terlebih dahulu atau sebelum tarikh akhir caruman. Sekiranya anda berhenti mencaruman, pelan anda akan luput dalam tiga puluh satu (31) hari selepas caruman terakhir yang dibuat.
- 15. Bolehkah saya menguatkuasakan semula sijil saya jika sijil tersebut telah luput selepas tiga puluh satu (31) hari tempoh ihsan?**
 Jika caruman masih belum dibuat pada akhir tempoh ihsan ini, sijil akan luput. Tetapi penguatkuasaan semula sijil adalah dibenarkan dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh luput. Sila rujuk dokumen sijil untuk maklumat lanjut.
- 16. Adakah saya perlu menjalani pemeriksaan kesihatan untuk menyertai Takaful MediCash?**
 Tidak. Anda hanya perlu melengkapkan pengisyhtaran kesihatan yang mudah.
- 17. Apa yang akan berlaku jika saya menyatakan maklumat yang salah?**
 Apabila anda menjawab soalan berkaitan kesihatan, anda mesti mendedahkan semua fakta yang betul. Kami berhak menyemak matlamat dan pernyataan yang diberi oleh anda dan mungkin menjadikan sijil ini tidak sah jika terdapat maklumat yang salah.
- 18. Bagaimanakah cara untuk saya menyertai Takaful MediCash?**
 Anda boleh menyertai terus melalui saluran dalam talian kami. Untuk maklumat lanjut, sila layari [laman web](#) kami.

19. Bolehkah saya menyertai Takaful MediCash melalui Perancang Kewangan Zurich Takaful?

Tidak, produk ini adalah produk dalam talian yang hanya boleh didapati di [laman web](#) kami.

20. Bagaimanakah saya akan dimaklumkan jika penyertaan saya telah berjaya?

Anda akan menerima satu e-mel pengesahan jika penyertaan anda telah berjaya. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Zurich di 1-300-888-622 atau e-mel kami di callcentre@zurich.com.my

21. Siapakah yang boleh saya hubungi bagi perkhidmatan sijil dan pertanyaan selepas saya menyertai pelan ini?

Untuk sebarang bantuan dan pertanyaan, sila hubungi Pusat Panggilan kami di 1-300-888-622 atau e-mel kami di callcentre@zurich.com.my

22. Perlukah saya membuat penamaan?

Ya. Anda dinasihatkan untuk membuat penamaan. Borang Penamaan boleh didapati di [laman web](#) kami.

23. Di manakah saya boleh melihat sijil saya?

Anda boleh log masuk ke Portal Pelanggan – [MyZurichLife](#) untuk maklumat lanjut.

24. Bolehkah saya mendapatkan Diskaun Tiada Tuntutan?

Anda akan diberi Diskaun Tiada Tuntutan sebanyak 20% caruman tahunan sijil semasa sebagai ganjaran sekiranya anda tidak membuat tuntutan dalam tempoh satu (1) tahun yang lepas.

25. Bolehkah saya menukar ke pelan lain selepas sijil saya dikuatkuasakan?

Sebaik sahaja perlindungan anda bermula, anda tidak boleh bertukar ke pelan lain sepanjang tempoh sijil.

26. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh membatalkan sijil anda dengan menghubungi kami secara bertulis. Sekiranya sijil anda dibatalkan dalam masa lima belas (15) hari tempoh bertenang dari tarikh penghantaran sijil, Zurich Takaful Malaysia Berhad akan mengembalikan caruman yang telah dibuat.

Jika anda memilih untuk membatalkan sijil ini selepas tempoh bertenang, anda hanya akan dilindungi di bawah sijil ini sehingga tarikh caruman seterusnya perlu dibuat. Tiada nilai tunai yang akan dibayar dan tiada caruman yang telah dibuat akan dikembalikan.

27. Bolehkah saya menyerahkan sijil saya dan adakan nilai serahan akan dikembalikan?

Anda boleh menyerahkan sijil anda tetapi tiada nilai serahan yang akan dikembalikan.

Apabila serahan dibuat, pelan ini akan tamat. Jika anda ingin menukar ke Takaful Perubatan dan Kesihatan yang sekarang ini kepada yang lain atau

dari satu pengantara kepada pengantara lain, anda mungkin tertakluk kepada taja jamin dan tempoh menunggu yang baharu untuk pelan lain.

28. Bagaimakah cara untuk membuat tuntutan?

Anda boleh membuat tuntutan anda di mana-mana cawangan Zurich Takaful dengan menyerahkan dokumen wajib seperti yang dinyatakan di laman web kami. Sila [klik sini](#) untuk prosedur pengurusan tuntutan yang terperinci dan dokumen wajib.

29. Bagaimakah cara untuk saya menyemak status tuntutan atau mendapatkan penjelasan lanjut mengenai keputusan tuntutan?

Anda boleh menyemak status tuntutan anda melalui:

- Hubungi Pusat Panggilan kami di 1-300-888-662
- E-mel kami di callcentre@zurich.com.my

30. Apakah keadaan yang akan menyebabkan sijil saya ditamatkan?

Sijil anda akan ditamatkan secara automatik (mana yang terdahulu) apabila:

- Apabila permintaan untuk menamatkan sijil ini dihantar secara bertulis kepada kami; atau
- Sijil ini dibatalkan atau luput atau ditamatkan mengikut peruntukan dalam sijil; atau
- Apabila kematian Orang Yang Dilindungi; atau
- Sebaik sahaja selepas tempoh matang atau tarikh luput.

Untuk maklumat lanjut dan bantuan tentang **Takaful Medicash**, sila hubungi **Pusat Panggilan Zurich** di **1-300-888-622** atau e-mel kami di callcentre@zurich.com.my



Manfaat-manfaat yang dibayar adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi Zurich Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Butiran Syarikat

Zurich Takaful Malaysia Berhad
No. Pendaftaran 200601012246 (731996-H)
Tingkat 23A, Mercu 3
No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888
Pusat Panggilan: 1-300-888-622 www.zurich.com.my